

Krisis libatkan negara-negara berkecuali bimbangkan M'sia

KUALA LUMPUR, Rabu — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed, telah melahirkan kebimbangan Malaysia terhadap pertikaian dan krisis-krisis yang melibatkan pergerakan negara berkecuali.

Dr. Mahathir berkata masalah seumpama itu cuma melemahkan tenaga negara-negara anggota dan menghalang kita dari mencapai matlamat kita.

Berucap di majlis jamuan bagi meraikan Naib Presiden Majlis Kepresidanan Yugoslavia, Encik Fedzilj Hodza di sini malam kelmarin, beliau memberi amaran bahawa jika tidak di kawal, kecenderungan berpecah-pecah boleh menjejaskan perpaduan dan keteguhan pergerakan itu.

Katanya, "kita hendaklah menganggap apa-apa salah faham atau masalah yang mungkin timbul sebagai berlaku di kalangan keluarga".

"Peranan kita hendaklah mewujudkan keharmonian dan keamanan dan membawa pihak-pihak bersama dari mengambil bahagian atau untuk memilih antara mereka. Apa yang penting di sini ialah perpaduan keteguhan pergerakan itu," tegasnya.

Mematuhi

Dr. Mahathir berkata Malaysia telah mematuhi falsafah dan prinsip-prinsip pergerakan itu.

Beliau mensifatkan konsep berkecuali sebagai satu pilihan yang tahan dan praktik bagi negara-negara yang ingin bebas dari pakatan tentera dan politik mengikut blok.

Katanya, itulah sebabnya Malaysia meletak perhatian berat kepada konsep itu.

Beliau juga menyata-



DR. MAHATHIR

kan bahawa prinsip-prinsip di mana pergerakan itu ditubuhkan — menghormati kemerdekaan dan kewibawaan kawasan, tidak campurtangan dalam hal ehwal dalam negeri dan tidak menggunakan kekerasan — adalah sangat berkaltan kepada keadaan-keadaan yang berlaku di Asia Tenggara masa ini.

Beliau menekankan bahawa keamanan dan kestabilan di rantau itu hanya boleh dipulihkan menerusi prinsip-prinsip itu.

"Selagi prinsip-prinsip itu dicabuli, ketegangan dan pertikaian akan terus berlaku," katanya.

Dr. Mahathir juga kesal-bahawa keadaan itu telah bertambah sulit dengan aliran masuk pendatang haram ke pantai-pantai Malaysia.

Bahan asal dari Arkib